



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI PANTAU RAPI IMPAK KONFLIK GEOPOLITIK TERHADAP PASARAN KOMODITI GLOBAL

Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) sedang memantau secara dekat perkembangan konflik geopolitik di Timur Tengah serta potensi kesannya terhadap perdagangan dan pasaran komoditi global.

Perkembangan semasa telah memberi tekanan kepada rantaian bekalan global, khususnya melibatkan sektor tenaga, perkapalan dan logistik. Ketegangan di rantau tersebut telah menyumbang kepada kenaikan harga tenaga dunia yang secara tidak langsung mempengaruhi harga komoditi termasuk minyak sawit.

Berdasarkan penilaian semasa kementerian bersama agensi berkaitan, eksport komoditi utama negara seperti minyak sawit, getah, lada, koko dan produk berasaskan kayu masih berjalan seperti biasa. Namun demikian, kerajaan menjangkakan sekiranya konflik berpanjangan, kos logistik, pengangkutan serta insurans perkapalan mungkin meningkat dan memberi kesan kepada kos operasi industri.

Pada masa yang sama, peningkatan harga tenaga global juga berpotensi menyokong permintaan terhadap komoditi berasaskan bio seperti minyak sawit, terutamanya dalam sektor biofuel, yang boleh memberi kesan positif kepada harga komoditi tersebut di pasaran antarabangsa.

Kementerian memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus bekerjasama rapat dengan pemain industri, agensi pengawal selia dan rakan perdagangan antarabangsa bagi memastikan kelancaran eksport serta kestabilan rantaian bekalan komoditi negara.

Dalam masa yang sama, KPK akan terus memperkukuh daya tahan sektor perladangan dan komoditi melalui strategi kepelbagaian pasaran, peningkatan produktiviti serta pengukuhan nilai tambah produk komoditi Malaysia.

DR. NORAINI AHMAD

Menteri Perladangan dan Komoditi

14 Mac 2026